



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/02/17_06 (HQ)

IMPAK POSITIF KERJASAMA STRATEGIK TNB-PDRM BENDUNG KECURIAN ARUS ELEKTRIK

Kerjasama strategik TNB bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan kegiatan mencuri arus elektrik telah meningkatkan kecekapan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membanteras kegiatan berkenaan terutamanya bagi kes yang melibatkan aktiviti perlombongan mata wang kripto ‘Bitcoin’.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, kerjasama strategik dinamakan Ops Letrik itu telah memberikan impak yang amat positif dalam membendung kerugian hasil daripada aktiviti kecurian arus elektrik melibatkan pengguna industri dan komersial.

“Hasil kerjasama strategik sejak November 2020 tersebut, TNB telah berjaya menghentikan kerugian kepada rakyat dan negara yang dianggarkan sebanyak RM158.9 juta sehingga 31 Disember 2021.

“Kami di TNB mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama pihak PDRM yang mana telah membantu pihak TNB secara menyeluruh mengekang aktiviti jenayah ini di seluruh Semenanjung,” katanya pada penutup Bengkel Pemurnian Siasatan Kes Kecurian Elektrik anjuran TNB dan PDRM di Rompin, Pahang.

Aktiviti perlombongan ‘Bitcoin’ yang mengambil bekalan elektrik secara curang bukan sahaja mengancam kestabilan elektrik dan keselamatan orang awam jika berlaku kebakaran, malah sebahagian kerugian secara tidak langsung juga ditanggung oleh rakyat dan negara, jelasnya.

“Kegiatan mencuri arus elektrik ini juga menimbulkan isu dan elemen khianat kepada TNB dan pengguna. Pengguna juga akan terkesan dari kejadian seperti bekalan elektrik terputus secara kerap kerana aktiviti melombong Bitcoin ini menggunakan arus elektrik yang tinggi.

“Banyak juga berlaku kejadian yang menyebabkan kebakaran di pepasangan TNB dan pepasangan awam kerana perlakuan mencuri ini tidak mematuhi spesifikasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan juga TNB. Sepanjang tahun 2018 sehingga 2021, sebanyak 7,209 kes kecurian elektrik melibatkan premis Bitcoin direkodkan,” kata Wan Nazmy.

Beliau menjelaskan lagi bahawa PDRM memainkan peranan yang amat besar dalam membantu TNB dan pengguna dalam mengekang perbuatan mencuri arus elektrik yang boleh mencetuskan pelbagai kejadian termasuk gangguan bekalan akibat beban lampau (overloading) sehingga menyebabkan kebakaran.

S.A. 2022/02/17_06 (HQ)

“Pihak kami mendapat kerjasama yang amat baik dari bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen serta Ibu Pejabat Polis Daerah. Semoga kerjasama di antara TNB dan PDRM dalam ‘Op Letrik’ ini berpanjangan dan berkekalan. Pihak kami juga sentiasa komited membantu semua urusan PDRM membanteras jenayah.”

Selain kerjasama dengan PDRM, TNB sedaya upaya membanteras kecurian arus yang menyalahi Akta Bekalan Elektrik 1990 ini melalui pelbagai cara termasuk berganding bahu dengan agensi-agensi berkaitan khususnya ST dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Februari 2022, jam 1:00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Wan Nazmy Wan Mahmood
Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB,



Kerjasama strategik TNB bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan kegiatan mencuri arus elektrik telah meningkatkan kecekapan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membanteras kegiatan berkenaan terutamanya bagi kes yang melibatkan aktiviti perlombongan mata wang kripto ‘Bitcoin’.